

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
SABTU, 9 OGOS 2025**

PJL05/02/2025

1

No. Soalan: PL219

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA
JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA
KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF**

TARIKH : 09.08.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah peningkatan perubahan dalam keberkesanan dan impak yang signifikan dalam peranan dan fungsi institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam memajukan dan memantapkan aktiviti-aktiviti perekonomian, kemasyarakatan, keagamaan serta kebajikan ke arah menjana serta menaikkan taraf sosio-ekonomi masyarakat?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Bert hormat Pehin Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Bert hormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Bert hormat,

1. Kaola sukacita mengongsikan di Dewan Yang Mulia ini, sepertimana yang digariskan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 2013, seorang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah berperanan sebagai mata, telinga dan lidah Kerajaan dan

penduduk mukim dan kampung dalam menjaga serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan mukim dan kampung. Penghulu Mukim dan Ketua Kampung juga memainkan peranan penting dalam memperkasa masyarakat melalui pelbagai inisiatif ekonomi, kemasyarakatan dan keagamaan.

2. **Lapan (8) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung** telah pun dibentuk dan diperkenalkan pada 13hb., Februari, 2024 dimana **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** ini adalah berasaskan prestasi yang diselaraskan dengan **Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 2023-2027**, yang menekankan peranan pemimpin akar umbi dalam lima (5) aspek utama iaitu **Kepimpinan dan Pengurusan; Kemaslahatan Anak Buah Mukim atau Kampung; Keselamatan; Ketersediaan Prasarana; dan Perekonomian di Mukim atau Kampung**.
3. Alhamdulillah, berdasarkan analisa ke atas **Laporan Penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang dibuat dalam tahun 2024**, sukacita dikongsikan diantara pencapaian pelaksanaan Petunjuk Prestasi yang dimaksudkan adalah seperti berikut;
 - 3.1. Pengawasan kejuranan kampung oleh Penghulu Mukim dan Ketua Kampung telah melaksanakan sebanyak **1,290 rondaan** dimana **98.46% aduan atau dapatan hasil rondaan** berkenaan telah diambil tindakan dan dihadapkan kepada agensi-agensi yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya;
 - 3.2. Dalam usaha memperkukuh ekonomi setempat, sebanyak **208 produk** baharu dan inovasi terhadap produk yang sedia ada telah dilaksanakan di bawah inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P). Seiring dengan itu, peruntukan kewangan juga disediakan melalui Jabatan-Jabatan Daerah kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) bagi menjalankan aktiviti ekonomi seperti jualan, pembelian peralatan, dan penyediaan tempat penghasilan produk. Disamping itu, para pengusaha tempatan juga diberikan kursus latihan bersama agensi berkaitan untuk meningkatkan kemahiran serta daya saing produk, disamping penglibatan aktif dalam ekspo-ekspo jualan.
 - 3.3. Selain itu, *platform* untuk berniaga bermusim turut disediakan, antaranya melalui penyediaan hamper Hari Raya, peluang membekalkan produk untuk acara kebesaran negara, kunjungan Muhibbah serta lawatan atau mesyuarat di luar negara. *Platform* seumpama ini tidak terhad kepada pengusaha Satu Kampung Satu Produk sahaja, malahan juga dibukakan kepada pengusaha mikro,

kecil dan sederhana termasuk golongan mencabar atau rentan, yang mana melaluinya, sepertimana yang pernah Kaola kongsiikan sebelum ini semasa Usul Perbahasan, jumlah jualan keseluruhan bagi produk 1K1P sahaja di antara bulan Januari 2024 sehingga Julai 2025 dari 146 orang pengusaha telah melebihi BND1.9 juta ringgit Brunei.

- 3.4. Dikesempatan ini, Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, di atas kata-kata penghargaan semasa menyampaikan Usul Penangguhan pada 7 haribulan Ogos yang lalu. Sesungguhnya kata-kata tersebut dapat menjadikan motivasi dan galakan kepada pengusaha 1K1P dan pihak yang berkenaan dalam membantu Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana bagi **“memanfaatkan untuk memperkuat penjenamaan produk tempatan serta menyumbang secara langsung kepada peningkatan sosioekonomi pengusaha.”**
- 3.5. Dari aspek aktiviti pula, sebanyak **2,017 aktiviti** di antara bulan April hingga Disember 2024 yang berbentuk Kemasyarakatan, Keugamaan, Kesukanan, dan Perekonomian juga telah berjaya diungkayahkan di mukim-mukim dan kampung-kampung.
4. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, ke arah membantu Penghulu Mukim dan Ketua Kampung mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan agar mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan kepada penduduk di mukim dan kampung masing-masing, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah memperkenalkan **Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (HRCF PMKK)** yang telah dilancarkan pada 22hb., Mac, 2025 yang mana Rangka Kerja ini telah diberigakan di setiap daerah melalui sesi penerangan, penganjuran klinik dan bengkel bersama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Rangka kerja ini telah mula dilaksanakan 1hb., Mei, 2025 dengan tujuan untuk mengenalpasti jurang kompetensi setiap Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, dan seterusnya merangka latihan berasaskan kompetensi bagi meningkatkan kemahiran dan kapasiti mereka. Latihan ini memfokuskan kepada kompetensi **Teras, Kepimpinan** dan **Teknikal** dengan matlamat untuk memperkasa peranan mereka secara lebih efektif dan berkesan.

Sekian yang dapat Kaola sampaikan pada menjawab soalan berkenaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL168

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

TARIKH : 09.08.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menubuhkan satu pusat kawalan dan penyelidikan *veterinary* bersepadu yang dapat mempercepat pengesanan dan respons terhadap wabak penyakit haiwan, serta memperkukuh keselamatan makanan negara?

JAWAPAN:

Perkhidmatan veterinar, yang diberikan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan makanan hasil pengeluaran industri ternakan serta mengesan dan menangani serangan wabak penyakit haiwan. Dalam perkara ini, sebagai langkah pengesanan dan pencegahan, penyakit haiwan adalah dipantau secara berterusan melalui program persampelan dan surveilans di ladang. Tindakan-tindakan dan penguatkuasaan yang diambil sekiranya terjadi penyakit atau wabak adalah bersandarkan kepada Akta Haiwan (Penyakit dan Kuarantin) - *Animal (Disease and Quarantine) Act*.

Selain itu, Kementerian juga telah memastikan adanya makmal veterinar yang diiktiraf mengikut ISO:17025, yang mempunyai keupayaan dan kepakaran dalam penganalisaan dan pengesanan penularan wabak penyakit ternakan yang berkepentingan. Pihak Kementerian juga memastikan penglibatan perkhidmatan veterinar dijalankan berkerja rapat dan selaras dengan badan-badan antarabangsa yang relevan seperti World Organization for Animal Health bagi keperluan penyelidikan, pertukaran maklumat dan kepakaran dan seterusnya pemantauan status penyakit secara serantau. Usaha-usaha ini dilaksanakan untuk memastikan keselamatan makanan ladang ternakan negara adalah mampan dan bebas daripada penyakit.

Alhamdulillah, dengan kejayaan Negara mengeksport telur dan produk-produk agrimakanan berasaskan daging, ini secara langsung menjadi satu pengiktirafan antarabangsa kepada perkhidmatan veterinar Negara sebagai satu agensi pusat yang menguruskan industri ternakan secara kompeten termasuk dari segi pemantauan dan pengawalan penyakit ternakan. Ini adalah kerana sebelum pengeksportan telur dan produk-produk ternakan lain, perkhidmatan veterinar Negara perlu menjalani satu pengauditan oleh negara-negara pengimport.

No. Soalan: PL224

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

TARIKH : 09.08.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah pendekatan dan strategi Kementerian dalam Pelan Strategik MPRT 2023-2029 untuk mengatasi isu dan cabaran serta meningkatkan industri pelancongan bagi menjana sosio-ekonomi negara? Memandangkan *Economic Blueprint* menempatkan pelancongan di antara sektor utama untuk memperkukuhkan ekonomi negara, namun statistik *ASEAN Tourism* 2024 menunjukkan Brunei menerima pengunjung terendah pada 2023.

JAWAPAN:

Pihak Kementerian komited dalam mendokong usaha ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035 iaitu Matlamat Wawasan Ke-3, untuk menjadikan Negara sebagai sebuah Negara yang mempunyai “Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan”, khususnya melalui usaha-usaha ke arah mendokong Food Industry Roadmap dan Tourism Industry Roadmap, yang mana sektor makanan dan sektor pelancongan, adalah merupakan antara sektor yang telah dikenalpasti dalam *Economic Blueprint Brunei Darussalam*, yang berpotensi menyumbang ke arah meningkatkan ekonomi negara, selain dari sektor industri hiliran minyak & gas, perkhidmatan dan ICT.

Tahun 2023 adalah masih fasa recovery (post covid) di mana Brunei hanya mencatatkan 149,000 jumlah pelancong yang tiba melalui udara and laut. Pada tahun 2024, mencatatkan peningkatan sebanyak hampir 290,000 jumlah pelancong melalui udara dan laut dan lebih dari pada 380,000 pelancong yang masuk melalui darat. Pada separuh pertama 2025, ketibaan pelancong melalui udara, darat, dan laut mencatat hampir 400 ribu orang, meningkat 33% berbanding hampir 300 ribu orang pada tempoh sama pada tahun 2024. Pendapatan pelancongan juga meningkat 12% kepada 172 juta Brunei dollar berbanding 153 juta Brunei dollar pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan bukan sahaja jumlah pelancong meningkat, tetapi kualiti pelawat dari segi perbelanjaan, tempoh tinggal dan minat produk pelancongan tempatan turut bertambah.

Tren ini mencerminkan keberkesanan pendekatan strategik kementerian dalam memperkukuh promosi, menaik taraf produk, dan meluaskan akses pasaran pelancongan Brunei secara berfasa.

Melalui Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan Brunei Darussalam, kementerian telah merangka pendekatan bersepadu berasaskan empat teras utama:

Pertama, Pembangunan Produk dan Pemasaran. Kementerian menggalakkan pelaburan baharu, menaik taraf produk pelancongan sedia ada, dan memanfaatkan saluran digital serta kerjasama dengan pempengaruh dan agensi pelancongan dalam talian. Acara seperti ekspo pelancongan, fam trip dan acara sukan antarabangsa turut menyumbang kepada peningkatan pelawat.

Selain itu, penganjuran acara seperti persidangan, mesyuarat dan jua acara bersukan termasuk karate, wushu, dan larian maraton semakin mendapat sambutan dan telah menyumbang kepada peningkatan kedatangan pelancong antarabangsa melalui udara dan darat.

Kedua, Pembangunan Sumber Manusia. Latihan berstruktur dan pensijilan profesional disediakan untuk bukan sahaja pengusaha pelancongan tempatan tapi pekerja dalam industri pelancongan termasuk *tour guides*, bagi memastikan standard perkhidmatan yang tinggi dan mampan. Bengkel dan latihan berkala juga dijalankan bagi membina tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Ketiga, Peningkatan Infrastruktur. Dengan sokongan RKN, pelbagai projek sedang dan akan dilaksanakan - antaranya pembinaan marina baharu di Pantai Serasa, pembinaan jeti untuk mendokong pembangunan lawatan ke Muzium Teknologi Brunei di Kota Batu dan Tapak Arkeologi Kota Batu, menaiktaraf jeti Pekan Tutong di Daerah Tutong, menaiktaraf galeri pelancongan di Kg Ayer, serta pembangunan Pantai Tanjung Batu sebagai salah satu destinasi bagi pelancong kapal pesiar. Projek PPP juga sedang diungkayahkan bagi menyediakan infrastruktur khusus seperti kemudahan resort dan restoran demi untuk mendokong kemajuan pelancongan.

Keempat, Kesalinghubungan dan aksesibiliti. Kerjasama erat dijalankan bersama Kementerian Pengangkutan dan Info-Komunikasi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, syarikat-syarikat penerbangan dan ejen-ejen pelancongan untuk meluaskan capaian, memudahkan urusan permohonan visa dan kemasukan pelancong asing ke negara ini dan menambah baik sistem pengangkutan awam serta pelabuhan kapal persiaran.

Kementerian turut menekankan pelancongan yang inklusif dan lestari – melibatkan penyertaan belia, komuniti, serta menyokong agenda kelestarian dan keterangkuman gender. Kemudahan pengecualian visa kepada negara seperti China juga menunjukkan hasil, dengan peningkatan ketara dari pasaran tersebut.

Insya-Allah, usaha ini akan terus mengangkat pelancongan sebagai pemacu ekonomi baharu yang berdaya tahan dan inklusif, serta menjadikan Brunei destinasi yang unik dan diminati serantau.

No. Soalan: PL194

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM

TARIKH : 09.08.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan mengambil signifikan tahun 2026–2027 dalam sejarah negara, apakah ada perancangan Kementerian untuk menjadikannya pemangkin kepada transformasi pelancongan nasional? Dengan memperkenalkannya sebagai “Tahun Melawat Brunei”, bagaimanakah kementerian memastikan perancangan awal dan peruntukan sumber serta kewangan tersedia bagi program-program, termasuk pertandingan mencipta jingle/slogan pemasaran untuk memperkukuh jenama Brunei sebagai destinasi pelancongan eksklusif, lestari dan berbudaya?

JAWAPAN:

Yang Berhormat Pehin Yang Dipertua, jawapan bagi soalan mengenai perancangan kementerian untuk memperkukuh industri pelancongan nasional ini telahpun kaola jawab semasa menjawab soalan PL 275 yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal yang mana saling berhubungkait dan mempunyai naratif yang sama.

Kementerian melihat tahun 2026–2027 sebagai **tempoh penting dan bersejarah** untuk negara, bersempena **Sambutan Hari Keputeraan ke-80 dan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia**. Sehubungan itu, Kementerian sedang **merangka pelan bersepadu** untuk menjadikan tempoh ini sebagai **pemangkin transformasi sektor pelancongan nasional**.

Ada beberapa inisiatif yang di kira impactful yang sedang dipertimbangkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan. **Inisiatif-inisiatif ini** yang akan menjadi platform **strategik** bagi:

- Memperkukuh **jenama Brunei sebagai destinasi pelancongan eksklusif, lestari dan berbudaya tinggi**;
- Menonjol kan **identiti kebangsaan dan kejayaan negara**;
- Memacu **pelancongan domestik dan antarabangsa** secara inklusif dan mampan.

Dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif perkembangan pelancongan, tindakan telah disusun secara saling melengkapi, dengan memfokuskan kepada:

- **Perancangan awal dan penyelarasan antara agensi** melalui jawatankuasa pandu dan teknikal;
- Pelaksanaan program seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat seperti **pertandingan jingle/slogan kebangsaan**, pembangunan **pakej pelancongan domestik berbundel**, dan **penglibatan MSME serta masyarakat akar umbi**;
- Pelaksanaan acara utama seperti **Brunei December Festival**, **Brunei Gastronomy Festival**, dan **MYCE** untuk merancakkan ekonomi tempatan;
- Kerjasama dengan **rakan industri dalam dan luar negara**, termasuk agensi pelancongan, syarikat penerbangan, media, dan pengengaruh.

Kementerian juga turut membantu pengusaha dengan menyediakan platform promosi percuma dalam pelbagai bentuk, termasuk dalam media cetak, digital, dan fam trips, bukan sahaja untuk ejen tetapi juga sepanjang rantai nilai pelancongan.

Pendekatan ini selaras dengan prinsip “**whole-of-nation**” dan **matlamat Wawasan Brunei 2035**, iaitu memastikan manfaat pelancongan bukan sahaja memacu **pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan**, tetapi juga memperkukuh **perpaduan masyarakat dan kebanggaan negara**.

Dengan perancangan yang teliti dan sokongan padu daripada semua pihak, inisiatif-inisiatif perkembangan pelancongan bukan sahaja akan menjadi pemangkin kepada transformasi sektor pelancongan, malah turut berfungsi sebagai platform strategik untuk mengetengahkan pencapaian dan kemajuan pelbagai sektor di negara ini. Ia juga merupakan peluang emas untuk memanfaatkan potensi ekonomi melalui pelbagai program seperti jualan cenderamata tempatan, penganjuran acara berskala besar, dan aktiviti komersial lain yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan perusahaan tempatan serta kebanggaan negara.

No. Soalan: PL196

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM

TARIKH : 09.08.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian Pendidikan mengenai Pendidikan Asas Pertolongan Cemas sebagai komponen wajib dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah? Memandangkan keupayaan bertindak balas dalam situasi kecemasan adalah kemahiran asas yang kritikal, pendekatan ini dapat memperkasa generasi muda Brunei dengan pengetahuan menyelamat, serta meningkatkan tahap kesedaran, kesiapsiagaan dan responsif terhadap kecemasan dalam komuniti dan persekitaran seharian.

JAWAPAN:

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola menjawab pertanyaan lisan PL196 yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam.

Di peringkat sekolah rendah dan menengah, komponen asas pertolongan cemas (first aid) sudah diterapkan melalui Topik Pengetahuan Asas Kesihatan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani, yang merupakan mata pelajaran umum yang dipelajari oleh semua pelajar, seperti berikut:

- i. Tahun 6 - Memfokuskan kepada kesejahteraan diri dan keselamatan, termasuk pertolongan cemas;
- ii. Tahun 7 - Pengenalan asas pertolongan cemas, prosedur dan tatacara umum dalam menangani insiden seperti kecederaan ringan dan kemalangan kecil di persekitaran sekolah;

-
- iii. Tahun 8 - Pendedahan kepada prosedur Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) sebagai satu kemahiran penting dalam situasi kritikal yang memerlukan tindakan segera;
 - iv. Tahun 9, 10 dan 11 - Memfokus kepada kaedah rawatan kecederaan ringan serta cara-cara mengatasi dan mencegah kecederaan semasa menjalankan aktiviti fizikal dan sukan.

Selain itu, pelajar yang menyertai Pasukan Beruniform seperti Pasukan Kadet Bulan Sabit Merah, Pasukan Pengakap dan Pandu Puteri juga didedahkan kepada kemahiran asas pertolongan cemas.

Beberapa program dan kursus pertolongan cemas juga dilaksanakan secara berterusan merangkumi teknik CPR, rawatan luka, pengurusan pendarahan dan pengendalian kecederaan ringan hingga sederhana melalui latihan praktikal.

No. Soalan: PL276

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

TARIKH : 09.08.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah pelan tindakan dan sasaran tahunan yang sedang dirangka oleh Kementerian bersama agensi berkaitan untuk menggantikan secara progresif pemegang permit kerja asing dengan graduan tempatan yang telah mengikuti program peningkatan kemahiran seperti SKiPPA, iReady, iSkill dan latihan sektor khusus, serta apakah insentif atau disinsentif yang akan diperkenalkan untuk mempercepatkan peralihan ini?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan dapatan Banci Majikan dan Pekerja, sebanyak lima (5) sektor telah dikenalpasti mencatatkan kadar penglibatan pekerja asing yang tinggi berbanding tenaga kerja tempatan. Sektor-sektor tersebut ialah 1) Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan; 2) Sektor Pembuatan; 3) Sektor Pembinaan; 4) Sektor Perdagangan Borong dan Runcit serta Pembaikan Kenderaan; dan 5) Sektor Penginapan Serta Perkhidmatan Pemakanan.
2. Sukacita dikongsikan pecahan jumlah dan peratus pekerja tempatan dan pekerja asing bagi tempoh lima (5) tahun kebelakangan bagi sektor-sektor yang disebutkan:
 - 2.1. Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan kekal bergantung kepada pekerja asing, yang mana jumlah pekerja asing meningkat daripada 2,707 orang pada tahun 2020 kepada 3,714 orang pada tahun 2024. Manakala pekerja tempatan meningkat daripada 912 orang kepada 1,173 orang dalam tempoh yang sama. Ini menunjukkan jurang ketara dalam penyertaan tenaga kerja tempatan dalam sektor ini.

- 2.2. Sektor Pembuatan juga didominasi oleh pekerja asing iaitu diantara 63 peratus hingga 66 peratus daripada jumlah tenaga kerja keseluruhan sepanjang lima tahun. Pada tahun 2024, pekerja asing berjumlah 8,377 orang berbanding 8,260 orang pada tahun 2020. Sementara itu, pekerja tempatan meningkat sedikit daripada 4,185 orang kepada 4,911 orang, namun peratus penyertaan pekerja tempatan masih kekal sekitar 34 peratus hingga 37 peratus;
- 2.3. Sektor Pembinaan mencatatkan dominasi paling tinggi oleh pekerja asing berbanding sektor lain dengan purata melebihi 80% sepanjang tahun 2020 hingga 2024. Bilangan pekerja asing meningkat daripada 21,559 orang pada tahun 2020 kepada 21,974 orang pada tahun 2024. Dalam tempoh yang sama, pekerja tempatan kekal rendah, sekitar 4,116 hingga 4,379 orang, iaitu kira-kira 16 peratus hingga 17 peratus daripada jumlah keseluruhan.
- 2.4. Sektor Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan & Motosikal menunjukkan nisbah yang lebih seimbang antara pekerja tempatan dan asing berbanding sektor lain. Walaupun pekerja asing masih mendominasi, perbezaannya tidak terlalu ketara. Pada tahun 2024, pekerja asing berjumlah 16,200 orang (56%), manakala pekerja tempatan pula seramai 12,753 orang (44%). Jumlah ini menunjukkan peningkatan yang stabil sejak tahun 2020, di mana pekerja tempatan ketika itu berjumlah 9,493 orang (42%). Sektor ini dilihat semakin menyokong penyertaan tenaga kerja tempatan.
- 2.5. Sektor Aktiviti Penyediaan Tempat Tinggal & Perkhidmatan Permakanan masih didominasi oleh pekerja asing dengan peratus sekitar 63 hingga 66 peratus sepanjang tempoh lima tahun. Bilangan pekerja asing meningkat daripada 9,218 orang pada tahun 2020 kepada 13,005 orang pada tahun 2024. Walaupun pekerja tempatan turut menunjukkan peningkatan dari 4,809 orang kepada 6,916 orang dalam tempoh yang sama, iaitu hanya 34 hingga 35 peratus daripada jumlah keseluruhan.
3. Namun begitu, menurut Kajian Tenaga Kerja 2024, penyertaan tenaga kerja tempatan adalah pada kadar **71.3%**, iaitu peningkatan sebanyak **3.8%** berbanding tahun sebelumnya. Manakala, tenaga kerja asing merangkumi **28.7%** daripada keseluruhan pasaran buruh negara.
4. Dalam kategori jawatan **Professional, Managerial, Executive and Technical** (PMET), seramai **71,500** anak tempatan telah mengisi jawatan tersebut, berbanding **15,900** pekerja asing, mencerminkan trend positif selari dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

5. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengutamakan peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan, Kerajaan telah menetapkan satu syarat utama bagi setiap permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA) di Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu mana-mana syarikat yang ingin menggaji pekerja asing dimestikan untuk melalui proses penilaian oleh Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) terlebih dahulu termasuk keperluan mendapatkan Surat Pengesahan (*Clearance Letter*).
6. Penilaian ini mengambil kira usaha syarikat dalam **melokalisasi tenaga kerja** dan memastikan bahawa keutamaan diberikan kepada pengambilan pekerja tempatan sebelum sebarang kelulusan diberikan untuk penggajian pekerja asing. Dengan pelaksanaan syarat ini, syarikat perlu mengiklankan kekosongan jawatan melalui platform rasmi Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) dan menjalani proses saringan calon tempatan. Hanya setelah tiada calon tempatan yang sesuai dan berminat, barulah *Clearance Letter* akan dikeluarkan sebagai sokongan kepada permohonan Lesen Pekerja Asing.
7. Pihak Kerajaan terus menggalakkan syarikat-syarikat untuk mengambil bahagian dalam program perantisan seperti **i-Ready**, yang menyediakan latihan kerja secara langsung serta peluang membentuk **pelan penggantian berstruktur (*succession planning*)**, dan melibatkan perantis tempatan dalam operasi harian syarikat bagi membolehkan mereka menimba pengetahuan dan kemahiran secara langsung daripada tenaga kerja asing sedia ada.
8. Pendekatan ini bertujuan untuk mewujudkan tenaga kerja tempatan yang berdaya saing, selain memupuk **pemindahan ilmu dan kepakaran (*knowledge transfer*)** secara menyeluruh dan berkesan.
9. Selaras dengan matlamat menjadikan pasaran buruh lebih mampan, pihak Kerajaan melalui **Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP)** sedang meneliti semula mekanisme pengambilan pekerja asing agar terus sejajar dengan **keperluan sebenar industri**, tanpa mengabaikan **kepentingan penyertaan tenaga kerja tempatan**.
10. Sebagai sebahagian daripada usaha penambahbaikan ini, pendekatan baharu sedang dikaji untuk menggalakkan syarikat menyediakan strategi tenaga kerja yang lebih **seimbang dan progresif**, dan syarikat yang menunjukkan komitmen tinggi terhadap pengambilan anak tempatan berpotensi untuk mendapatkan **kelulusan yang lebih cekap** dalam proses permohonan mereka.
11. Beberapa inisiatif di bawah seliaan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pengangguran (MPTMP) telah menunjukkan hasil yang menggalakkan dalam meningkatkan kebolehpasaran anak tempatan:

- **Program i-Ready:**
Sehingga 30 Haribulan Jun 2025, seramai **6,229 perantis** telah berjaya memperoleh pekerjaan tetap, termasuk dalam sektor awam dan swasta.
 - **Program iSkills (IBTE):**
59.2% graduan dari Kohort 1 hingga 4 memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat Latihan.
 - **Program Coding.bn (di bawah *Manpower Industry Steering Committee* bagi sektor ICT):**
Mencatatkan kadar kebolehpasaran sebanyak 73% dalam tempoh **setahun** selepas tamat program.
12. Kerajaan akan terus komited dalam memperkukuh penglibatan dan peranan anak tempatan dalam Pembangunan ekonomi negara melalui pelaksanaan berterusan pelbagai inisiatif peningkatan kemahiran dan penambahbaikan dasar-dasar tenaga kerja.
13. Adalah menjadi aspirasi Kerajaan agar usaha ini dapat melahirkan lebih ramai tenaga kerja tempatan yang berkualiti, berkemahiran tinggi serta bersedia untuk menyumbang secara berkesan dan bermakna ke arah kemajuan ekonomi negara yang inklusif, mampan dan berdaya tahan.

Sekian yang dapat Kaola sampaikan pada menjawab soalan berkenaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL262

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN

TARIKH : 09.08.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian Pendidikan kepada sekolah-sekolah yang sudah ditutup terutamanya di kawasan pendalaman? Adakah pihak kementerian berhasrat menyerahkan kepada agensi-agensi kerajaan atau *NGOs* supaya bangunan tersebut terpelihara daripada ianya di rosak atau dicuri oleh golongan yang tidak bertanggungjawab selain ianya terbiar begitu saja.

JAWAPAN:**Bismillahirrahmanirrahim****Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola menjawab pertanyaan lisan **PL262** yang diajukan oleh **Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann**.

Kementerian Pendidikan telah menyediakan garis panduan tatacara penyerahan bangunan kosong yang tidak lagi digunakan. Berdasarkan garis panduan ini, tatacara penyerahan adalah seperti berikut:

1. Mengadapkan Laporan Bangunan Kosong kepada Jawatankuasa Kerja Perancangan dan Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan;
2. Menawarkan terlebih dahulu secara dalaman kepada jabatan atau institusi dalam Kementerian Pendidikan;
3. Menawarkan kepada agensi-agensi luar Kementerian jika tidak ada keperluan dalaman;
4. Sekiranya masih tiada pengambilalihan, bangunan tersebut akan dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal Menangani Bangunan-Bangunan Kerajaan untuk nasihat dan tindakan selanjutnya.

Tatacara ini dilaksanakan dengan penuh teliti bagi memastikan pengurusan aset Kerajaan dilakukan secara berhemah.

Sebagai contoh, SR Kenua telahpun diserahkan sepenuhnya kepada Kementerian Pertahanan pada 13 Mac 2025 manakala Sekolah Rendah Piasau-Piasau telah dicantumkan dan bangunan sekolah telah digunakan sepenuhnya oleh Jabatan Pengajian Islam sehingga kini.

No. Soalan: PL284

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

TARIKH : 09.08.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian akan menstruktur semula pengagihan tugas pentadbiran agar lebih terkawal seperti waktu mengajar, demi keseimbangan beban tugas guru? Ini mengambil kira dapatan Kaji Selidik Warga Pendidik bagi tahun 2024 yang menyatakan bahawa hampir 88% guru dan 76% pemimpin sekolah menghadapi beban tugas berlebihan, dengan campuran antara tugas mengajar dan pentadbiran.

JAWAPAN:**Bismillahirrahmanirrahim****Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk koala menjawab pertanyaan lisan **PL284** yang diajukan oleh **Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin**.

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin atas soalan yang diajukan dan juga atas keprihatinan Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat dan memandang serius mengenai isu beban tugas guru kerana ia memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan dan keberkesanan pelaksanaan proses pengajaran para guru.

Bagi menangani isu ini, Kementerian melalui Jabatan Pengurusan Pendidik (JPP) sedang melaksanakan satu Inisiatif yang dinamakan **Ideal Number of Teachers (ringkatnya INoT)**. INoT merupakan **proses pengemaskinian sumber tenaga pengajar secara komprehensif dan bersistematik** dengan menilai kesesuaian dan keseimbangan bilangan guru berdasarkan keperluan sebenar sesebuah sekolah, termasuk pengagihan tugas akademik dan bukan akademik.

Dua (2) komponen utama dalam inisiatif INoT ialah **pengemaskinian indikator waktu mengajar** dan **penyelarasan tugas pentadbiran tenaga pengajar** yang mengambil kira bukan sahaja bilangan pelajar dan mata pelajaran yang diajar, tetapi juga pembahagian tugas akademik dan bukan akademik para guru.

Adalah diharapkan melalui usaha ini, isu beban tugas guru akan dapat diatasi, sekaligus membolehkan mereka menumpukan lebih banyak masa kepada tugas utama mereka, iaitu mengajar. Insha-Allah, Kementerian akan terus memantau serta melaksanakan segala usaha yang perlu bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan para guru sentiasa terjaga dan terpelihara.

No. Soalan: PL205

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH
ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

TARIKH : 09.08.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kementerian melaksanakan program *apprenticeship* luar negara bagi IBTE dan Politeknik berkonsepkan *Discovery Year* Universiti Brunei Darussalam untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar institusi tersebut membina kemahiran industri secara langsung, memperluas pemikiran global, dan menjalin jaringan profesional antarabangsa untuk memperkukuhkan kebolehpasaran graduan TVET dan menyokong agenda tenaga kerja berkemahiran tinggi?

JAWAPAN:**Bismillahirrahmanirrahim****Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,****Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.**

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola menjawab pertanyaan lisan **PL205** yang diajukan oleh **Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin**.

Institusi Pengajian Tinggi Awam di bawah kawalan Kementerian Pendidikan menyertai secara aktif dalam program mobiliti pelajar, yang meliputi program pertukaran pelajar, belajar di luar negeri, peluang penyelidikan, dan penempatan kerja ataupun internship. Program mobiliti pelajar menawarkan peluang untuk meluaskan rangkaian, memperolehi pengalaman antarabangsa, memperkukuhkan kemahiran bahasa, meningkatkan kecekapan antara budaya dan berpotensi untuk meningkatkan prospek kerjaya pelajar.

Alhamdulillah, selain dari UBD, UNISSA dan UTB, institusi TVET awam iaitu Politeknik Brunei (PB) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) juga tidak ketinggalan dalam melibatkan pelajarnya melalui program mobiliti seperti penempatan kerja ataupun *internship* di luar negeri:

1. **PB** telah mengenalkan ***International Internship Programme*** (IIP) bermula bulan Julai tahun ini, di mana pelajar-pelajar PB dalam bidang Perniagaan, ICT dan Kejuruteraan telah mengikuti work placement di pelbagai industri di Malaysia selama 5 bulan yang bertujuan untuk menyediakan pelajar pendedahan global dan meningkatkan daya saing mereka di peringkat serantau.
2. **IBTE** memperkenalkan **Program Mobiliti IBTE** mulai awal tahun 2025 yang memberi peluang kepada pelajar untuk melawat dan belajar di luar negara bagi tempoh tertentu, seperti kolaborasi dengan Institute of Technical Education (ITE), Singapura, yang membolehkan pelajar HNTec dalam Kejuruteraan Pesawat dan Kejuruteraan Elektrik menjalani program lawatan belajar di ITE. IBTE juga terlibat dalam program antarabangsa tajaan penganjur, seperti *Brunei Cybersecurity Association (BCSA) Overseas Learning Journey* di Kuala Lumpur, Malaysia, dan *The ASEAN TVET Friendly Match 2025* di Melaka dan Kuala Lumpur.

Institusi TVET akan terus giat meluaskan rangkaian kerjasama dengan institusi dan industri luar negeri untuk mengembangkan lagi laluan dan peluang kepada lebih ramai pelajarnya untuk mengikuti program mobiliti yang bertujuan memperkukuh kebolehpasaran graduan TVET dan menyokong agenda tenaga kerja berkemahiran tinggi dengan menyediakan pendedahan industri dan global yang relevan.

No. Soalan: PL233

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 09.08.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah langkah ke hadapan Kementerian untuk memperbaiki ekosistem bisnes ini supaya ianya lebih kondusif dan *business-friendly*, bagi memudahkan perniagaan berkembang maju? Dalam perjumpaan dengan Masyarakat Perniagaan, satu cabaran utama yang ditimbulkan ialah mengenai ekosistem bisnes yang kurang kondusif dan kurang *pro-business* terutamanya berkaitan proses mendapatkan kebenaran, yang menjejaskan perkembangan PMKS tempatan.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Terima kasih juga atas pertanyaan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia berhubung langkah ke hadapan pihak Kerajaan untuk memperbaiki ekosistem perniagaan supaya untuk lebih kondusif dan *business-friendly*.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi, melalui Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE), sebagai *lead-agency* Kerajaan dalam usaha menyelaras inisiatif *ease of doing business* di negara ini senantiasa berusaha berganding bahu dengan agensi-agensi Kerajaan lainnya bagi memupuk suasana perniagaan tempatan yang lebih *vibrant*.

Dengan bersandarkan Economic Blueprint sebagai guiding principles and policies, pihak IBE telahpun menyediakan dan mendokong peta industri (Industry Roadmap) bagi memacu maju lagi perkembangan perniagaan dan industri tempatan. Antara lain peta industri yang telah disediakan adalah Downstream Oil and Gas Industry Roadmap; Food Industry Roadmap; Services Maritime Industry Roadmap; dan beberapa lagi peta industri yang masih dalam fasa penyediaan dan penelitian pihak Kementerian.

Kementerian ini sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi-agensi Kerajaan dan pihak berkepentingan lain untuk mendokong usaha perlaksanaan *Industry Roadmap*

tersebut, yang akan dapat membantu menangani isu-isu dan cabaran on the ground yang dialami oleh sektor swasta, ke arah peningkatan iklim pengawalseliaan perniagaan tempatan dengan berpandukan kepada 'Whole-of-Nation approach' dan dilaksanakan secara kolektif oleh Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga terus berusaha untuk memantau perkembangan reformasi-reformasi yang dirancang dan memberi dokongan kepada agensi-agensi untuk melaksanakan pembaikan terhadap ekosistem perniagaan di Negara ini.

Dalam pada itu, Kementerian sentiasa berkerjasama rapat bersama pihak berkepentingan di sektor swasta untuk memastikan penggubalan perundangan dan dasar adalah menjurus kepada amalan terbaik serantau dan di dunia dan juga bersesuaian dengan nilai-nilai Negara Brunei Darussalam dan keperluan perniagaan di Negara ini, serta juga memastikan pelaksanaan pelan-pelan tindakan yang berkaitan dapat dijalankan dengan secara efektif dan dapat dirasakan sepenuhnya oleh pihak orang ramai;

Usaha-usaha juga digiatkan untuk mempercepatkan dan mengurangkan tempoh proses Kerajaan melalui penyelarasan prosedur yang lebih berkesan. Manakala untuk melancarkan lagi usaha-usaha *ease of doing business* di negara ini, pelaksanaan dan penambahbaikan sistem-sistem atas talian bagi memperluaskan perkhidmatan dan memudahkan proses manual di agensi-agensi Kerajaan seperti menghadapkan permohonan secara elektronik dan pembayaran secara atas talian juga akan dipertingkatkan. Selain itu, Kementerian ini juga bercadang untuk meluaskan lagi skop pemberigian reformasi-reformasi dan inisiatif dengan melibatkan maklumbalas dua-hala bersama dengan perniagaan-perniagaan serta pihak berkepentingan lain.

Dalam membolehkan Kementerian untuk merancang usaha-usaha pembaikan yang diperlukan dengan lebih baik, Kementerian ini melalui Bahagian IBE turut mengadakan lawatan syarikat dari pelbagai industri termasuk industri pembinaan, makanan dan minuman, logistik, perniagaan *online*, runcit, serta pembekal perkhidmatan korporat untuk mengumpul lebih banyak maklum balas dan data mengenai pembaharuan-pembaharuan dan juga persekitaran perniagaan secara amnya.

Dengan maklum balas dari lawatan syarikat tersebut, Bahagian IBE akan berhubung dengan *Champion Groups* mengenai isu perundangan, proses atau tahap perkhidmatan pelanggan yang disediakan oleh kakitangan dan akan membantu mengenalpasti strategi yang terbaik untuk memperbaiki proses dan perhubungan dalaman masing-masing bagi memastikan TPOR dan kepuasan pelanggan dapat dicapai.

Selain itu, sebagai usaha ke arah langkah yang '*pro-business*', perbincangan bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) juga telah diadakan, bagi membincangkan hala tuju untuk menambahbaik proses perniagaan serta menumpukan lebihperhatian kepada keberkesanan (*efficiency*) setiap proses yang dilaksanakan.

Bahagian IBE juga telah mengambil langkah untuk mengadakan sesi engagement bersama agensi-agensi Kerajaan yang lain bagi membentangkan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan bagi penambahbaikkan proses perniagaan. Di samping itu, Bahagian IBE selaku pihak perangka dasar MSME, juga menghadiri sesi-sesi *engagement* yang dianjurkan oleh pihak BEDB sebagai salah satu usaha dalam membangunkan ekosistem perniagaan yang kondusif, serta mendapatkan maklumbalas daripada agensi-agensi berkepentingan dengan tujuan memastikan dasar-dasar yang bakal diperkenalkan akan dapat menyokong pertumbuhan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat seterusnya, melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Kementerian ini juga turut komited dalam mendukung usaha untuk memperbaiki ekosistem perniagaan agar lebih mesra perniagaan (*business-friendly*) dan responsif terhadap keperluan semasa dunia usaha melalui pengukuhan peranan *Business Helpdesk* sebagai *first point of contact* dalam menyelaras cabaran perniagaan yang dihadapi oleh MSME tempatan dan syarikat FDI usahawan di NBD, serta memudahkan saluran maklum balas antara pihak perniagaan dan agensi kerajaan.

Disamping itu, BEDB amat mengalu-alukan kerjasama rapat daripada agensi-agensi Kerajaan dalam mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh perniagaan, termasuk *pain points* yang dialami oleh MSME tempatan dan syarikat FDI ketika berurusan dengan pihak-pihak berkaitan. BEDB juga mengendalikan pelbagai platform dialog antara sektor awam dan swasta seperti MSME *Roundtable Series* dan BEDB *Engagement Series* yang diharapkan akan dapat membangun ke arah pembaikan dasar dan prosedur agensi-agensi kerajaan secara berterusan.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL187

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM

TARIKH : 09.08.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sejauhmana Kementerian melaksanakan penilaian menyeluruh terhadap *supply chain* negara termasuk kadar bayaran rentas sempadan dan penaiktarafan Pos Brunei mengikut piawaian antarabangsa, serta memastikan penubuhan satu platform e-dagang milik Brunei bagi memperluas akses produk tempatan ke pasaran global?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola ingin mengucapkan terima kasih atas pertanyaan **Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam**.

Dalam menjawab soalan ini, izinkan kaola mengongsikan bahawa Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah mengambil beberapa langkah bersesuaian bagi menilai kecekapan rantai bekalan di negara ini, iaitu pertama, melalui penggunaan platform-platform digital seperti *Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW)*, *Exit and Entry System (EES)* dan Customs.BN. Melalui Customs.BN, pengisytiharan deklarasi dan pembayaran cukai boleh dibuat secara dalam talian pada bila-bila masa, selaras dengan objektif untuk mempercepat dan memudahcara pergerakan barangan rentas sempadan dengan lebih efisien.

Kedua, ialah melalui kerjasama dan penyelarasan amalan terbaik di peringkat antarabangsa dan serantau melalui:

- Pelaksanaan *ASEAN Single Window (ASW)* yang dijalankan sejak tahun 2019 dan membolehkan pertukaran maklumat perdagangan secara elektronik bersama negara-negara ahli ASEAN yang lain;
- Pelaksanaan *ASEAN Authorised Economic Operator Mutual Recognition Arrangement (AAMRA)* sejak 1 haribulan Ogos 2024, yang mana bertujuan

untuk memudahkan pergerakan barangan yang dieksport oleh *Authorised Economic Operator (AEO)*, iaitu syarikat-syarikat yang diiktiraf oleh Pentadbiran Kastam, di seluruh ASEAN; dan juga

- Pelaksanaan *One Stop Counter* dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Pos Kawalan Negara di Sungai Tujoh dan Pos Kawalan Sementara Labu bagi memudahkan pemprosesan dokumen semasa merentas sempadan.

Berhubung dengan penaiktarafan Pos Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Darussalam Assets, dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, sedang melaksanakan projek pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos, yang disasarkan untuk *go-live*, insyaAllah pada awal tahun 2026. Antara fokus-fokus utama yang akan ditumpukan dalam 2 ke 3 tahun pertama selepas pengkorporatan, termasuklah bagi mengurangkan jumlah pembiayaan daripada pihak kerajaan, meningkatkan kecekapan operasi dan kompetensi tenaga kerja serta pengurusan dan juga usaha rejuvenasi aset.

Manakala mengenai dengan inisiatif e-Dagang, PosBru akan berkerjasama dengan syarikat-syarikat logistik tempatan dan “*runners*” yang sedia ada bagi meningkatkan perkhidmatan “*last mile delivery*” PosBru di masa akan datang dan bagi meningkatkan aktiviti e-dagang di Negara Brunei Darussalam.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.